

Pembangunan Elemen Komunikasi Semasa Housemanship Berdasarkan Ujian Statistik Confirmatory Factor Analysis (CFA)

Nor Shela Saleh*, Hashim Fauzy Yaacob

Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: shela_saleh87@yahoo.com.my

Abstract

The study designed of statistics using analysis of confirmatory factor analysis (CFA) to test the elements of the current communications intern learning housemanship. Strengthening the study conducted based Bachelor and previous findings showing that communication is very important in learning intern during housemanship. Furthermore, the researchers have used several previous an instrument to use. To strengthen the selection of items, researchers get the validity of lecturers who have eligibility as well as expertise in the field of study. Researchers also performed a test pilot study to look at the value of alpha's alpha obtained either have high reliability or low. Finally, researchers test Confirmatory Factor Analysis (CFA) for sees Compatibility items in the elements of communication. To ensure the successful in this study, the researchers doing data collection at the two main hospitals in Johor namely Hospital Sultan Ismail specialist Hospital Sultanah and Fatimah, Muar. The findings showed the value of validity and reliability is high. For CFA tests, three questions were discarded due to having low loading factor value and does not meet the conditions of the CFA.

Keywords: Trainee doctor; housemanship; confirmatory factor analysis; factor loading; communication

Abstrak

Kajian ini berbentuk statistik yang menggunakan analisis *confirmatory factor analysis* (CFA) bagi menguji elemen komunikasi doktor pelatih semasa pembelajaran housemanship. Pengukuhan kajian dilakukan berdasarkan pandangan sarjana dan dapatan kajian lepas yang menunjukkan bahawa komunikasi sangat penting dalam pembelajaran doktor pelatih semasa *housemanship*. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen kajian lepas untuk digunakan. Bagi mengukuhkan pemilihan item, pengkaji mendapatkan kesahan daripada pensyarah yang mempunyai kelayakkan serta kepakaran dalam bidang kajian. pengkaji juga melakukan ujian kajian rintis bagi melihat nilai alpha cronbach yang diperolehi sama ada mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi atau rendah. Akhir sekali, pengkaji melakukan ujian confirmatory factor analysis (CFA) bagi melihat keserasian item dalam elemen komunikasi. Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji melakukan kutipan data di dua hospital utama di Johor iaitu Hospital Sultan Ismail dan Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar. Dapatan kajian menunjukkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan adalah tinggi. Bagi ujian CFA pula, sebanyak tiga soalan yang dibuang kerana mempunyai nilai *factor loading* yang rendah serta tidak memenuhi syarat CFA.

Kata kunci: Doktor pelatih; *housemanship*; *confirmatory factor analysis*; *factor loading*; komunikasi

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Komunikasi doktor pelatih merupakan interaksi sosial yang melibatkan percakapan dan pertuturan dalam kehidupan seharian doktor pelatih semasa di hospital (Dobie 2007). Komunikasi doktor pelatih berlaku bersama doktor pelatih lain, penyelia, doktor pakar dan pesakit semasa menjalani pembelajaran *housemanship* (Fellowes, Wilkinson dan Moore 2004). Selain itu, intipati-intipati komunikasi adalah berunsurkan klinikal dan perubatan pembelajaran *housemanship* (Sadler-Smith, Allinson & Hayes 2000 dan Williams 2002). Gaya dan bentuk komunikasi yang dipamerkan juga berbeza (McLeod *et al.* 2003). Menurut Nobile dan Crotar (2003) serta Lane dan Rollnick (2007), gaya dan bentuk komunikasi memerlukan pendekatan dan mesej yang memberikan unsur-unsur berkaitan dengan pembelajaran *housemanship*. Sebagai contoh, semasa berkomunikasi berlaku antara doktor pelatih dengan pesakit, proses komunikasi lebih tertumpu kepada diagnosis dan penerokaan maklumat daripada pesakit (Bylund *et al.* 2009 dan Koch-Weser, E. Rudd & de Jong 2010). Berbeza pula dengan situasi yang berlaku antara komunikasi doktor pelatih dengan penyelia atau rakan sejawatan. Komunikasi yang dipamerkan lebih berunsurkan perbincangan dalam pembelajaran *housemanship* (Bylund *et al.* 2010). Selain itu, komunikasi antara doktor pelatih dengan penyelia lebih bersifat formal berbanding komunikasi bersama rakan sejawatan (Bensing *et al.* 2008). Ini kerana, penyelia merupakan individu yang menilai serta melakukan pemerhatian terhadap potensi doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship* (Lane & Rollnick 2007). Tindakan tersebut boleh memberikan implikasi positif mahupun negatif. Implikasi negatif akan diperolehi oleh doktor pelatih jika sekiranya komunikasi yang dipamerkan ketika bersama penyelia adalah lemah dan tidak yakin.

Komunikasi yang dipamerkan bukan hanya bergantung kepada sasaran hala tuju komunikasi sahaja, sebaliknya turut menjelaskan rentetan dan kronologi pembentukan komunikasi. Rentetan dan kronologi yang dipamerkan semasa komunikasi doktor pelatih adalah

melihat arah dan operasionalisasi serta orientasi hala tuju komunikasi tersebut (Fallowfield *et al.* 2002). Pandangan yang diberikan oleh Lim (2009) adalah bernas apabila beliau menyatakan komunikasi doktor pelatih adalah berlandaskan prinsip matlamat tugas dan pencapaian maklumat pembelajaran. Melihat kepada matlamat dan maklumat, Tien, Ven dan Chou (2003) sebulat suara menganggap cara penyampaian maklumat dan pencapaian matlamat perlu diselarikan dengan bentuk penyampaian. Justeru, Hallahan *et al.* (2007) memberikan pandangan tentang bentuk penyampaian komunikasi yang boleh diaplikasikan semasa pembelajaran *housemanship*. Terdapat tiga bentuk yang digunakan iaitu secara lisan, bukan lisan dan melalui bahasa isyarat. Walau bagaimanapun, bentuk penyampaian secara lisan adalah yang terbaik kerana mesej yang disampaikan cepat dan tepat.

Komunikasi doktor pelatih sememangnya lebih tertumpu kepada cara penyampaian secara lisan berbanding cara lain. Walau bagaimanapun, Reichelt *et al.* (2009) menegaskan penyampaian semasa berkomunikasi perlu diselarikan dengan situasi dan persekitaran. Ini kerana terdapat situasi dan persekitaran yang menyebabkan komunikasi secara lisan tidak boleh diaplikasikan. Sebagai contoh, semasa melakukan pembelajaran di persekitaran Unit Rawatan Rapi Hospital, doktor pelatih lebih tertumpu menggunakan komunikasi secara bukan lisan dan isyarat. Hal ini adalah bagi memastikan keamanan dan mengelakkan gangguan terhadap pesakit yang sedang kritis (Hallahan *et al.* 2007; Stead *et al.* 2003 dan Zaharias, Piterman & Liddell 2013). Impaknya, gangguan terhadap pesakit boleh berlaku dan menjejaskan kualiti kesihatan pesakit. Justeru, kreativiti dalam komunikasi doktor pelatih wajar dipertingkatkan.

Peningkatan tersebut wajar dilakukan oleh semua pihak yang berganding bahu dengan pembelajaran doktor pelatih khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pihak KKM sentiasa menggembleng usaha bagi memastikan komunikasi doktor pelatih berada dalam lingkungan cemerlang. Tambahan pula, kebijakan mempromosikan komunikasi menunjukkan keyakinan doktor pelatih yang mempunyai pengetahuan serta kemahiran klinikal yang memberangsangkan dan tidak membimbangkan semasa *housemanship*. usahan melentur buluh seawal rebung telah diaplikasikan oleh pelajar perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memperlihatkan hasil dapatan menunjukkan sebanyak 69 peratus bakal doktor pelatih mempunyai tahap komunikasi yang cemerlang dan meyakinkan. Kajian yang dijalankan oleh Salam *et al.* (2008) adalah pucuk usaha membina prinsip mahir komunikasi terhadap bakal doktor pelatih tersebut. Usaha tersebut merupakan corakkan langkah dalam menapakkan usaha ke arah membentuk doktor pelatih yang bijak berkomunikasi dan cemerlang dalam eksperimentasi. Ini kerana, komunikasi perlu dilakukan dalam satu rangkaian jangka masa panjang supaya mutu dan kualitinya dipelihara serta dikekalkan (Zaharias, Piterman & Liddell 2013 dan Bylund *et al.* 2009). Tambahan pula, Hallahan *et al.* (2007) menyatakan untuk melahirkan doktor pelatih yang mempunyai kualiti komunikasi perlu dilakukan semasa diperingkat universiti. Ini kerana komunikasi bukan perkara yang mudah dibentuk dan dilontarkan tanpa pelan perancangan yang tepat. Komunikasi merupakan interaksi dalaman dan luaran. Interaksi tersebut mempunyai signifikansi yang sangat relevan dengan perasaan, kemahuan dan keyakinan (Stead *et al.* 2007). Jika perasaan, kemahuan dan keyakinan dapat dibentuk diperingkat yang awal. Maka komunikasi doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship* akan mempunyai kebarangkalian yang dominan dan memberikan piawian yang sewajarnya.

■ 2.0 KEPENTINGAN KOMUNIKASI DOKTOR PELATIH

Komunikasi merupakan penggerak interaksi yang mewujudkan kolaborasi antara doktor pelatih dengan individu lain semasa pembelajaran *housemanship*. Kolaborasi dalam interaksi dapat dilakukan berdasarkan kaedah perbincangan dan perkongsian idea yang ditonjolkan melalui komunikasi (Brugge *et al.* 2009). Melalui perbincangan, doktor pelatih akan bertukar idea dan mengkritik pandangan antara satu sama lain (Bylund *et al.* 2010). Pertukaran idea dan kritikan pandangan yang ditonjolkan antara satu sama lain dapat memberikan keputusan yang terbaik dalam pembelajaran *housemanship*. Keputusan yang terbaik akan dipaparkan secara kreatif dan kritis melalui lontaran idea dan pemikiran yang kritikal (Al Klalid & Ar Farid 2010). Idea yang kreatif dan pemikiran yang kritikal dapat dipersembahkan melalui keyakinan doktor pelatih semasa berkomunikasi. Abdul Majeed, Habib dan Rafiqul (2011) juga menerapkan isu kreativiti dan kritikal semasa komunikasi. Pandangan lain yang diperkatakan oleh beliau adalah soal komunikasi merupakan isu yang penting. Ini kerana, tahap pengetahuan doktor pelatih dapat diukur berdasarkan komunikasi mereka. Keyakinan komunikasi menunjukkan kebijaksanaan dan sikap doktor pelatih yang serba tahu. Tambahan pula, apabila doktor pelatih bersikap berdiam diri tanpa aktif berkomunikasi, maka bukti menunjukkan bahawa doktor pelatih mempunyai tahap pengetahuan yang lemah adalah tinggi. Pandangan tersebut selaras dengan Patel (2010) yang turut menyatakan hal yang sama kerana pandangan beliau doktor pelatih hanya mampu mempersembahkan komunikasi secara lancar dan sistematik melalui penggunaan idea dan pemikiran.

Persembahan komunikasi yang dipamerkan memerlukan sisipan interaksi yang teratur dan mempunyai nilai (Shachak & Reis 2008). Nilai yang diberikan bukanlah dibuktikan melalui angka mahupun persepsi individu lain sebaliknya dapat diberikan melalui kepuasan pihak yang sedang berkomunikasi. Justeru, doktor pelatih amat memerlukan pratikal komunikasi yang berkesan ketika bersama pesakit. Ini kerana, pesakit merupakan individu yang mempunyai tahap kekerapan yang tinggi berkomunikasi dengan doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship* (E. Rudd & de Jong 2010). Terhad dan limitasi merupakan cabaran yang seringkali berlaku semasa komunikasi antara doktor pelatih dengan pesakit (Ledingham & Dent 2001). Walau bagaimanapun, pada nilai akhir kandungan dan serapan maklumat sememangnya perlu khususnya semasa diagnosis dan kutipan latar belakang pesakit dilakukan. Sehubungan dengan itu, konsep tradisional ketika berkomunikasi seringkali menjadi kebuntuan dan permasalahannya kepada doktor pelatih. Konsep tradisional merupakan tindakan melakukan diagnosis yang bercorak komunikasi secara dua hala (Wallace *et al.* 2001). Justeru, pelbagai konsep yang moden dan berdasarkan teknologi telah diperkenalkan supaya kemudahan komunikasi lebih dilengkapi dan sempurna. Sebagai contoh, *Electronic Medical Record (EMR)* merupakan alatan yang digunakan oleh doktor pelatih bagi mengurangkan masalah kualiti jika berlaku bebanan komunikasi yang melampau. Bebanan komunikasi merupakan limpahan maklumat yang diperolehi sehingga mendatangkan kesulitan dan kesukaran melakukan penapisan maklumat komunikasi (Williams 2002). Secara tidak langsung, doktor pelatih mampu mengembalikan komunikasi melalui kaedah yang lebih moden dan menjadikan pembelajaran *housemanship* lebih efisien dan berlaku secara sistematik.

Kecanggihan teknologi dan peralatan moden membantu pelaksanaan komunikasi. Walau bagaimanapun, campur tangan teknologi moden juga boleh mengugut kedudukan komunikasi (Kim & Kim 2009). Ini kerana, keasyikkan doktor pelatih menggunakan kaedah *Email*, *Sms* serta kepelbagaian aplikasi seperti *Facebook*, *Yahoo Massenger*, *Whatsapp*, *Wechat*, *Line* dan sebagainya memberikan pelbagai masalah semasa berkomunikasi. Ini kerana, keberkesanan komunikasi secara bersemuka adalah lebih baik berbanding tidak bersemuka. Kesilapan dan kelemahan maklumat boleh berlaku disebabkan oleh keghairahan menggunakan aplikasi moden yang berteknologi tinggi (Hayes *et al.* 2009). Sebagai contoh, *Nottingham City Hospital, Nottingham, UK* merupakan hospital yang mengamalkan komunikasi bersemuka walaupun

peralatan dan kemodenan sangat tinggi dalam budaya mereka (Willis, Jones & Oneill 2003). Selari dengan visi dan misi hospital tersebut adalah mempunyai toleransi dan mesra semasa berkomunikasi.

Toleransi dan mesra merupakan identiti yang perlu ditonjolkan semasa komunikasi. Kelemahan mempamerkan kedua-dua perkara tersebut boleh memberikan penilaian dan tanggapan yang negatif oleh pihak lain. Walau bagaimanapun, idea yang bernas merupakan perkara yang lebih penting dan utama dalam pembelajaran doktor pelatih semasa *housemanship*. Kepelbagaian kaedah pembelajaran semasa *housemanship* menunjukkan komunikasi sangat penting dalam membezakan situasi semasa belajar (Fellows, Wilkinson & Moore 2004). Komunikasi juga dikatakan menjadi penentu kepada kaedah dan keputusan semasa melakukan eksperimentasi *housemanship* (Fellows, Wilkinson & Moore 2004). Dalam kes yang dinyatakan oleh Goldacre, Taylor dan Lambert (2010) menjelaskan kepentingan komunikasi semasa pembelajaran eksperimentasi *housemanship* doktor pelatih. Kes tersebut menunjukkan kekeliruan antara doktor pelatih dan penyelia menyebabkan pesakit menghampiri masalah dan kejadian yang kritis. Kes yang berlaku di *Northampton General Hospital, Northampton, Northamptonshire* di *UK East Midlands* menunjukkan konfrontasi maklumat berlaku antara doktor pelatih dengan penyelia terhadap seorang pesakit batu karang. Walau bagaimanapun, hasil perbincangan menunjukkan pesakit mengalami penyakit yang kronik dan merbahaya iaitu jangkitan kuman dalam saluran air kencing. Hasil rawatan mendapati pesakit telah dijangkiti *Bakteria Escherichia Coli* melalui bukti *Ujian Systoscopy atau Intravenous Urogram (IVU)* dan menghadapi *Urinary Tract Infection-UTI* (jangkitan kuman dalam saluran kencing). Jelaslah bahawa, melalui komunikasi perbincangan boleh dilakukan bagi menyelamatkan keadaan dan situasi.

■3.0 TEORI DAN SISTEM KOMUNIKASI DOKTOR PELATIH

Pembelajaran *housemanship* sangat memerlukan pendekatan komunikasi semasa belajar. Sehubungan dengan itu, doktor pelatih seharusnya mempunyai kebijaksanaan dalam berkomunikasi (van Ruler *et al.* 2005). Kebijaksanaan komunikasi dapat ditentukan berdasarkan aspek pemilihan teori dan model komunikasi yang tepat digunakan semasa belajar (Rogers *et al.* 2003). Sebagai contoh, komunikasi yang bersifat perbincangan perlu dipraktikkan supaya dapat menjana idea dan pemikiran yang kreatif dan kritis. Tambahan pula, Brown, Stewart & Ryan (2003) menegaskan bahawa perbincangan merupakan bentuk komunikasi kumpulan. Komunikasi kumpulan mempunyai anggota komunikasi yang terdiri daripada pelbagai latar belakang masyarakat serta pelbagai buah fikiran yang ingin diketengahkan (Veil & Hausted 2002). Justeru, penggunaan teori dan model wajar dipraktikkan bagi merealisasikan dan meringkaskan komunikasi supaya lebih teratur.

Dalam bidang kemanusiaan dan sains sosial, banyak teori dan model komunikasi yang digunakan oleh individu dan organisasi. Tambahan pula, individu dan organisasi bertindak sebagai pelengkap dan perancang kepada komunikasi yang digunakan. Dalam kajian ini, komunikasi yang dibincangkan adalah berkaitan komunikasi pembelajaran doktor pelatih semasa *housemanship*. Justeru, elemen dan sasaran komunikasi perlu tertumpu kepada bidang pembelajaran, *housemanship*, doktor pelatih dan bidang perubatan. Elemen dan sasaran komunikasi sangat penting supaya mesej dan objektif komunikasi dapat disampaikan dengan tepat. Claudine dan Lindsay (2011) menjelaskan, mesej merupakan perkara utama yang ingin dicapai semasa berkomunikasi. Jika mesej yang disampaikan tidak dicapai dengan baik, maka komunikasi yang diaplikasikan mengalami masalah dan kelonggaran dalam melontarkan mesej (Balmer *et al.* 2008). Justeru, terdapat beberapa jenis teori dan sistem komunikasi yang dikenalpasti oleh penyelia semasa pembelajaran *housemanship* yang sangat mempunyai signifikan dengan pembelajaran, perubatan, *housemanship* dan doktor pelatih.

■4.0 TEORI PEMIKIRAN KELOMPOK

Teori Pemikiran Kelompok merupakan teori komunikasi yang seringkali berlaku secara tidak langsung semasa pembelajaran *housemanship*. Walau bagaimanapun, teori ini tidak memberikan sumbangan kepada doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship* (Curtis, Tzannes & Rudge 2011). Sebaliknya, teori ini sangat mempunyai kepentingan yang tinggi oleh penyelia. Aplikasi teori ini paling dominan digunakan oleh penyelia kerana penyelia bertindak sebagai individu yang memberikan komunikasi secara sehalu tanpa menerima pandangan komunikasi secara dua hala (Salamonsen 2012). Ini menunjukkan Teori Pemikiran Kelompok mengaplikasikan komunikasi sehalu. Kekerasan mengaplikasikan Teori Pemikiran Kelompok menunjukkan sikap *silo mentality* yang dipamerkan oleh penyelia sehingga menjejaskan komunikasi doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship* (Thorne, Bultz & Baile 2005). Impaknya, doktor pelatih terpaksa akur dan sentiasa bersetuju dengan penyelia. Prinsip mengikut arahan serta setia sentiasa dipamerkan oleh doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship*. Walau bagaimanapun, (Stirrat *et al.* 2010) menyatakan kesetiaan tersebut adalah berdasarkan rasa tanggungjawab dan penghormatan kepada penyelia sahaja. Tambahan pula, kesetiaan semasa berkomunikasi bersama juga merupakan satu taktik dan tindakan bagi mengelakkan konflik (Hsieh 2006). Pembentukan konflik antara penyelia dengan doktor pelatih bukan sahaja boleh menggugat dan merenggangkan keadaan semasa pembelajaran *housemanship*, malah mampu menyumbang penilaian negatif terhadap doktor pelatih (Popoff 2006).

Operasionalisasi pembentukan konflik komunikasi berlaku disebabkan oleh wujudnya perasaan tidak puas hati penyelia terhadap doktor pelatih (Gionta *et al.* 2005). Mentaliti yang dipegang oleh penyelia adalah mereka mempunyai lebih banyak pengetahuan dan pengalaman dan bidang pembelajaran perubatan (Hulsman *et al.* 2002). Justeru, doktor pelatih lebih banyak disarankan untuk menjadi pendengar semasa berkomunikasi dengan penyelia semasa *housemanship*. Selain penyelia, Teori Pemikiran Kelompok juga diaplikasikan oleh doktor pelatih yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang lama terhadap doktor pelatih baru (Suter 2009). Faktor yang mendorong aplikasi teori ini dalam kalangan doktor pelatih adalah wujudnya perasaan ego dan merasakan diri terbaik dan layak menjadi contoh. Mulapo dan Muula (2010) mengatakan, walaupun doktor pelatih mempunyai tempoh perkhidmatan yang lama semasa pembelajaran *housemanship*, namun terdapat jurang pengetahuan dan kemahiran yang masih lompang. Kelompangan tersebut adalah berdasarkan masalah pengetahuan dan kemahiran yang tidak dapat digunakan dengan tepat dan sempurna (Brown & Bylund 2008). Walau bagaimanapun, Rider dan Keefer (2006) menjelaskan bahawa untuk berkomunikasi aspek yang penting adalah pengetahuan. Ini kerana, keyakinan dan kelancaran komunikasi sangat dipengaruhi oleh pengetahuan. Malah, Shiling, Jenkins dan Fallowfield, (2003) juga menyatakan hal yang sama iaitu terdapat doktor pelatih yang bersikap pasif dan berdiam diri kerana mempunyai tahap pengetahuan yang lemah. Justeru, jelaslah bahawa aplikasi Teori Pemikiran Kelompok dalam kalangan doktor pelatih sewajarnya tidak wujud kerana jurang pengetahuan dan kemahiran mereka adalah sangat rendah.

Teori Pemikiran Kelompok tidak sesuai digunakan antara komunikasi doktor pelatih dengan penyelia dan doktor pelatih yang telah lama berkhidmat dalam pembelajaran *housemanship* kerana menggalakkan dominasi pihak yang pakar atau berpengalaman. Walau bagaimanapun, teori tersebut menjadikan doktor pelatih dominan jika diaplikasikan bersama pesakit (Tavakol *et al.* 2006). Aplikasi yang digunakan oleh doktor pelatih adalah mempengaruhi pesakit supaya bersikap lebih positif dengan penyakit yang dialami (Fallowfield *et al.* 2002). Sebagai contoh, komunikasi bersama pesakit yang berumur haruslah bercirikan pemikiran positif dan tiada unsur-unsur *jargon* (Damingo 2010). Selain pesakit yang berumur, teori ini juga digalakkan untuk diaplikasikan terhadap pesakit kanser. Kata-kata semangat dan motivasi terhadap kesembuhan penyakit dapat digarapkan oleh doktor pelatih (Gibson & Campbell 2000). Walau bagaimanapun, unsur ketidakjujuran seringkali berlaku semasa teori ini diaplikasikan. Walaupun realitinya pesakit berada pada tahap yang lemah, namun aplikasi Teori Pemikiran kelompok akan berusaha membantu pesakit supaya bersemangat dan mampu mengharungi cabaran kesakitan (Collins *et al.* 2001). Semangat tersebut dapat dicapai jika doktor pelatih mampu mempengaruhi pesakit semasa komunikasi. Namun, doktor pelatih dari kalangan Timur Tengah tidak mengaplikasikan teori ini. Ini kerana, konsep kejujuran dan etika hak pesakit mengetahui penyakitnya adalah menjadi keutamaan mereka. Walaupun, usaha menggunakan teori ini mempunyai tujuan yang positif namun terdapat individu yang memberikan persepsi yang negatif. Justeru, doktor pelatih harus bijak menggunakan teori ini mengikut kesesuaian masa, budaya dan persekitaran.

■ 5.0 SISTEM PACE (*PRESENTING, ASKING, CHECKING DAN EXPRESSING*)

Sistem juga merupakan satu pendekatan komunikasi yang digunakan oleh doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship*. PACE merupakan sistem komunikasi yang mampu membantu doktor pelatih berdasarkan kepada prinsip-prinsip berkaitan pencapaian semasa *housemanship* (Grant & Robling 2006). Sistem PACE telah dibangunkan oleh tiga orang pakar iaitu Cegala, Marinelli dan Post (2000) mempunyai prinsip *Presenting, Asking, Checking, Expressing*. Sehubungan dengan itu, doktor pelatih digalakkan menggunakan PACE secara konsisten dan mengikut turutan supaya fasa-fasa komunikasi semasa pembelajaran lebih jelas (Piette *et al.* 2005). Menurut Heaven (2001) dan Bereiter dan Scardamalia (2004) Pemeringkatan aplikasi sistem komunikasi ini adalah bermula dengan prinsip P (*Presenting*), kedua prinsip A (*Asking*), seterusnya diikuti oleh prinsip C (*Checking*) dan akhir sekali prinsip E (*Expressing*). Apabila fasa komunikasi dapat dilakukan dengan jelas, maka pembelajaran *housemanship* akan lebih mudah dicapai. Kaedah untuk mencapai tahap pembelajaran *housemanship* yang baik adalah berdasarkan perbincangan dan pembentangan semasa komunikasi berlandaskan prinsip sistem PACE (Bleakley 2006 dan Kumar & Clark 2005).

Pemeringkatan pertama adalah prinsip *presenting*. Semasa komunikasi, *presenting* dilakukan untuk doktor pelatih mempamerkan tahap pengetahuan dan kemampuan semasa *housemanship* (Ratzen 2010). Melalui *presenting*, doktor pelatih akan menerangkan dan menjelaskan secara terperinci berkaitan dengan teori, konsep serta kefahaman mereka dalam bidang yang dipelajari (Feng *et al.* 2011). Penjelasan akan dilakukan secara mendalam supaya hasil persembahan dapat dilakukan dengan baik. Justeru, komunikasi yang baik adalah sangat penting supaya hasil persembahan dapat mencapai kualiti yang ditetapkan oleh piawaian (Cegala *et al.* 2007). Tambahan pula semasa persembahan disampaikan, penyelia akan menilai mutu dan kualiti komunikasi yang dipamerkan (Puska 2010 dan Hagihara & Tarumi 2006). Elemen-elemen kesungguhan, keyakinan dan kebijaksanaan memainkan isu dan teori merupakan kredibiliti yang perlu ada dalam persembahan doktor pelatih (Frieden & Koplun 2010 dan Feng & Burleson 2008). Kekeliruan penyelia semasa persembahan dilakukan akan menggalakkan komunikasi yang rancak dalam sistem kedua iaitu *asking*.

Asking merupakan peringkat kedua dalam sistem PACE. Aktiviti soal jawab merupakan perkara utama semasa peringkat *asking* dilakukan (Jerant *et al.* 2009). Untuk melaksanakan peringkat ini, komunikasi secara dua hala adalah diperlukan (Richard 2010). Komunikasi dua hala berlaku di antara doktor pelatih dengan penyelia. Penyelia berperanan sebagai pemberi soalan, manakala doktor pelatih sebagai penerima soalan (Brown *et al.* 2007). Sehubungan dengan itu, doktor pelatih harus menjawab setiap soalan yang diberikan. Melalui jawapan yang dikemukakan, penyelia akan mengukur dan menilai tahap pengetahuan doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship* (Brown & Bylund 2008). Bukti yang menunjukkan doktor pelatih seorang yang berpengetahuan adalah berdasarkan aras keyakinan dan kelancaran semasa berkomunikasi dengan penyelia. Kekeliruan atau percanggahan dalam mengemukakan jawapan semasa sesi soal jawab menunjukkan doktor pelatih mempunyai tahap pengetahuan yang lemah (Jones, Mcardle & O'Neill 2001). Jelaslah bahawa, komunikasi dapat menonjolkan tahap pengetahuan dan kebijaksanaan seseorang individu (Brown *et al.* 2008). Sekiranya penyelia dapat mengesan kesilapan atau kelemahan, penyelia akan menilai sejauhmana pembetulan harus dilakukan. Justeru, peringkat ketiga iaitu *checking* akan diaplikasikan semasa komunikasi.

Checking merupakan peringkat untuk memulihkan pengetahuan doktor pelatih melalui komunikasi secara sehalu. Pemulihan pengetahuan doktor pelatih dapat dilakukan berdasarkan perkongsian maklumat, pengetahuan dan idea daripada penyelia. Bylund *et al.* (2009) menjelaskan kepentingan komunikasi sehalu semasa peringkat ini adalah untuk memudahkan komunikasi penyelia. Semasa situasi dijalankan, penyelia perlu melontarkan dan memberi manakala doktor pelatih harus menerima pembetulan yang dilakukan oleh penyelia. Walau bagaimanapun, (Bylund *et al.* 2008) menjelaskan bahawa sikap pasif doktor pelatih harus diketepikan bagi menggalakkan proses pembelajaran dan pengajaran semasa *housemanship* dilakukan secara komited dan komperhensif. Peringkat komunikasi penyelia dengan doktor pelatih secara sehalu juga telah memasuki peringkat *expressing*. Semasa peringkat ini berlaku, doktor pelatih diberikan peluang untuk menjelaskan idea yang dibentangkan semasa di peringkat *presenting*. Sehubungan dengan itu, doktor pelatih perlu mempunyai keyakinan yang tinggi untuk membidas dan mempertahankan idea mereka (Epstein & Street 2007).

Berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan, pengkaji mendapati komunikasi dalam sistem PACE beroperasi secara dua hala dan sehalu. Terdapat peringkat yang menggunakan komunikasi sehalu iaitu peringkat *presenting* dan peringkat *asking*. Bagi peringkat *checking* dan *expressing* pula lebih dominan kepada komunikasi secara dua hala. Semasa di peringkat *asking*, doktor pelatih merupakan individu yang dominan berkomunikasi manakala di peringkat *asking*, penyelia merupakan individu yang dominan semasa komunikasi. Justeru, peringkat yang lain merupakan komunikasi yang memerlukan dominasi antara doktor pelatih dengan penyelia. Reitmanova (2011) menjelaskan, semasa komunikasi dua hala antara penyelia dengan doktor pelatih, doktor pelatih perlu menunjukkan keyakinan yang lebih mendalam supaya memperoleh penilaian dan persepsi positif. Manakala, apabila doktor pelatih dengan pesakit, doktor pelatih juga perlu lebih dominan supaya pesakit dapat mencapai penyelesaian dan keyakinan terhadap perawat mereka (Veldhuijzen *et al.* 2007). Secara konklusinya, komunikasi merupakan cara yang terbaik untuk meyakinkan individu dan mendapat kepercayaan orang lain melalui cara, gaya dan bahasa yang digunakan semasa komunikasi (Kim & Kim 2009).

■6.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian adalah membina satu elemen komunikasi doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship*. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan cuba mencapai tiga objektif kajian.

- (1) Menguji elemen komunikasi doktor pelatih semasa *housemanship* berdasarkan nilai *alpha cronbach*.
- (2) Menguji elemen komunikasi doktor pelatih semasa *housemanship* berdasarkan ujian *Confirmation Factor Analysis*.
- (3) Mengenal pasti item-item yang perlu digugurkan dan seterusnya memilih item boleh digunakan dalam elemen komunikasi doktor pelatih semasa *housemanship*.

Bagi mencapai objektif tersebut, persoalan kajian adalah:

- (1) Berapakah nilai *alpha cronbach* dalam elemen komunikasi doktor pelatih semasa *housemanship*?
- (2) Apakah hasil elemen komunikasi doktor pelatih setelah melalui ujian *Confirmation Factor Analysis* semasa *housemanship*?
- (3) Apakah item-item yang perlu digugurkan dan dipilih dalam elemen komunikasi doktor pelatih semasa *housemanship*?

■7.0 LOKASI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di dua buah hospital yang mempunyai kepentingan di negeri Johor. Kedua-dua hospital ini mengendalikan pembelajaran *housemanship*. Hospital tersebut adalah Hospital Sultan Ismail, Johor dan Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar, Johor. Hospital Sultan Ismail merupakan hospital kedua terpenting di Johor dengan dilengkapi sistem *Total Hospital Information System* (THIS) iaitu sistem berkomputer sepenuhnya. Hospital Sultan Ismail juga direka bentuk dan dilengkapi dengan peralatan canggih dan bertaraf dunia. Kelengkapan alat serba moden telah melayakkan Hospital Sultan Ismail diiktiraf sebagai Pusat Rujukan Kebangsaan (*National Referral Centre*) kepada perkhidmatan '*tertiary care*' yang disediakan. Dari aspek pembelajaran *housemanship*, HSI dilengkapi dengan pelbagai peralatan moden dan canggih serta mempunyai pelbagai unit rawatan sebagai pemantapan kepada proses pembelajaran *housemanship*. Antara unit yang terdapat adalah *Intensive Care Unit*, *Coronary Care Unit* (CCU), *Neonatal ICU* (NICU), *Burns Unit* dan *High Dependency Ward* khusus untuk rawatan intensif.

Hospital kedua dalam kajian ini adalah Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar (HPSF), Johor. Hospital ini merupakan hospital ketiga terpenting di negeri Johor selepas Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Sultan Ismail. Hospital Pakar Sultanah Fatimah juga menjadi rujukan zon utara negeri Johor bagi daerah Muar, Batu Pahat, Tangkak dan Segamat. Peranan hospital ini adalah sebagai '*Teaching Hospital*' dan telah menjadi salah satu hospital di negeri Johor yang menjalankan pembelajaran *housemanship*. Tambahan pula, hospital ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan peralatan perubatan yang canggih serta memenuhi keperluan perkhidmatan kepakaran yang disediakan.

■8.0 PEMBINAAN ALATAN KAJIAN

Pengkaji menggunakan alatan kajian yang berbentuk tinjauan. Kaedah borang soal selidik digunakan. Pembinaan borang soal selidik adalah berdasarkan kajian lepas yang diuji secara empirikal. Pada awal pembinaan soal selidik, pengkaji telah memilih beberapa soal selidik dalam kajian lepas. Antara kajian yang dirujuk adalah Mc Gill, Van der Vleuten dan Clarke (2011), Whitehouse, O' Neill dan Dorman (2006), Todres, Stephenson, dan Jones, (2007). Semasa pemilihan soal selidik tersebut, pengkaji telah melakukan tiga jenis kesahan bagi mendapatkan item dalam soal selidik yang tepat.

■9.0 SKOP, POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Skop kajian adalah tertumpu kepada doktor pelatih Latihan Perubatan Siswazah tahun kedua pembelajaran *housemanship*. Jumlah populasi kajian adalah seramai 226 orang doktor pelatih dan jumlah sampel yang ditentukan adalah 136 hingga 140 berdasarkan Jadual Krejci dan Morgan. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengedarkan sebanyak 226 jumlah soal selidik supaya memperolehi jumlah sampel yang besar. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Hasil dapatan kajian menunjukkan jumlah responden yang diperolehi adalah sebanyak 206 orang doktor pelatih.

■10.0 KESAHAN DAN KEMAMPUAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kesahan kajian bagi mendapatkan set soal selidik yang mempunyai item dan elemen yang tepat dengan responden kajian. Kesahan kandungan telah digunakan untuk menguji kandungan soalan yang diadaptasi dan dibangunkan oleh pengkaji. Kesahan kandungan dilakukan berdasarkan alatan kajian-kajian lepas yang telah diuji secara empirikal dan selari dengan kajian yang akan dilakukan (Babbie 2002). Perkara utama yang dilihat dalam kesahan kandungan adalah meninjau secara mendalam skop kajian. Skop kajian adalah berkaitan dengan komunikasi doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship*. Hasil penelitian mendapati terdapat 28 soalan kajian lepas yang mempunyai elemen komunikasi. Walau bagaimanapun, hanya 10 soalan sahaja yang dipilih sebagai item dalam elemen komunikasi. Pemilihan 10 item tersebut berdasarkan kesesuaian dengan elemen komunikasi doktor pelatih semasa pembelajaran *housemanship*. Selain melakukan kesahan kandungan, pengkaji juga menggunakan kesahan muka. Kesahan muka dilakukan oleh pensyarah yang pakar dalam bidang yang dikaji. Beberapa orang pensyarah yang mempunyai kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kajian dipilih. Antara pensyarah tersebut adalah pakar dalam bidang komunikasi, pembelajaran *housemanship*, pakar statistik dan metodologi kajian. Pakar-pakar yang dipilih adalah Profesor Dr. Sufean bin Hussin dari Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM), Profesor Dr. Md Salleh bin Hj

Hassan, Profesor Dr. Ezhar bin Tamam dan Profesor Madya Dr. Jusang bin Bolong yang merupakan pakar komunikasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Profesor Dr. Najib bin Abd Ghafar yang merupakan pakar statistik dan metodologi kajian dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Jadual 1 Ujian kesahan kajian sebelum dan selepas semakan pakar

Pembinaan Awalan Soal Selidik (Selepas Adaptasi)		Pembinaan Soal Selidik (Selepas Semakkan Pakar)	
Jumlah		Jumlah	
